



**ANWAR Ibrahim (kanan) bersalaman dengan orang ramai semasa mengadakan lawatan ke Pasar Siti Khadijah, Kota Bharu, Kelantan kelmarin. - UTUSAN/KAMARUL BISMIL KAMARUZAMAN**

## Terima kasih PM -MB Kelantan

**KOTA BHARU:** Kerajaan Kelantan menzahirkan terima kasih kepada Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim yang mengumumkan beberapa khabar gembira kepada rakyat negeri ini sempena lawatan kerjanya selepas pengurniaan darjah kebesaran daripada Sultan Kelantan, Sultan Muhammad V kelmarin.

Ucapan itu dizahirkan Menteri Besar Kelantan, Datuk Mohd. Nassuruddin Daud menerusi satu hantaran Facebook rasminya.

“Kerajaan Negeri Kelantan menyambut baik beberapa pengumuman yang dibuat oleh Perdana Menteri antaranya komitmen meneruskan pelaksanaan projek tebatan banjir, bekalan air bersih dan masalah bekalan air kepada pesawah.

“Selain itu, menampung kos projek Pusat Dialisis Yayasan Sultan Kelantan Darul Naim sebanyak RM8 juta dan RM5 juta untuk menambah baik Pasar Siti Khadijah,” katanya.

Mohd. Nassuruddin memberitahu, Kerajaan Kelantan komited untuk terus menga-

malkan budaya politik matang dan sejahtera serta sentiasa terbuka kepada kerjasama yang membawa manfaat kepada negeri ini tanpa mengira perbezaan politik, selagi tidak bertentang dengan prinsip ‘Membangun Bersama Islam’.

Katanya, semangat federalisme hendaklah sentiasa dijunjung tinggi dalam memastikan kebajikan rakyat terus diberi keutamaan.

Kelmarin, Anwar mengumumkan peruntukan tambahan sebanyak RM5.5 juta untuk kerja-kerja baik pulih Pasar Besar Siti Khadijah.

Ahli Parlimen Tambun itu turut mengumumkan Kerajaan Persekutuan memperuntukkan RM8 juta bagi menampung kos membina dan menyiapkan sebuah Pusat Dialisis Yayasan Sultan Kelantan Darul Naim.

Pada masa sama, Anwar turut memberi jaminan masalah yang sedang dialami oleh pesawah Lembaga Kemajuan Pertanian Kemubu (KADA) akan segera selesai apabila Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri telah bersetuju memberi kelulusan bersyarat.